



**LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN
JUMAAT 18 DISEMBER 2020**

BIL	TAJUK KERATAN AKHBAR	KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI
1. 2. 3. 4.	ANAK MUDA BANTU TAMBAH PENGELUARAN PADI, PERSIDANGAN DEWAN RAKYAT, SH -10 BEKALAN BERAS NEGARA STABIL, ONLINE, SH ASPEK KESELAMATAN GUNA DRON DALAM PERTANIAN DIBERI PERHATIAN, ONLINE, SH RICE SELF-SUFFICIENT LEVEL INCREASED TO 75PCT, ONLINE, CHINA PRESS	KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN (MAFI)
5.	PENCEMARAN SUNGAI KEREH DISIASAT, JAGA SUNGAI KITA, BH -20	JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR (DVS)
6.	MALAYSIAN RUBBER BOARD SNAPS 2 AWARDS AND RM200,000, ONLINE, SIN CHEW DAILY	IINSTITUT PENYELIDIKAN DAN KEMAJUAN PERTANIAN MALAYSIA (MARDI)
7.	MANGGA HARUMANIS REKOD JUALAN TERTINGGI, DALAM NEGERI, UM -30	LEMBAGA PEMASARAN PERTANIAN PERSEKUTUAN (FAMA)
8.	HOT ITEM..PHOTO JOURNALIST-TURNED-FARMER, NEWS WITHOUT BORDERS, THE SUN -3	LAIN-LAIN

UKKMAFI

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN
(UNTUK EDARAN DALAMAN MAFI, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
18/12/2020	SINAR HARIAN	PERSIDANGAN DEWAN RAKYAT	10

Anak muda bantu tambah pengeluaran padi

KUALA LUMPUR - Penglibatan golongan muda dalam rangkaian penanaman padi dan beras adalah antara tujuh pendekatan baharu dilaksanakan Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI).

Timbalan Menteri I MAFI, Datuk Seri Ahmad Hamzah berkata, ia dilakukan melalui pelaksanaan pertanian moden untuk meningkatkan pengeluaran padi.

Menurutnya, secara purata keperluan tahunan beras bagi rakyat Malaysia adalah kira-kira 2.5 juta tan metrik manakala pengeluaran beras negara sekitar 70 peratus daripada keperluan tersebut.

“Jadi negara masih mengimport 700,000, hingga 900,000 tan metrik beras setiap tahun atau 30 peratus:

“Kementerian komited meningkatkan pengeluaran beras negara sehingga tahap sara diri SSL mencecah 75 peratus seperti yang digariskan dalam cadangan Kertas Strategi RMK12 bagi industri padi dan beras untuk mengurangkan import sebanyak 5 peratus,” katanya menjawab soalan Senator Datuk Paul Igal di Dewan Rakyat.

Ahmad berkata lagi, kementerian juga memperkenalkan penggunaan teknologi moden dalam mekanisasi



Penglibatan golongan muda dilaksanakan menerusi aktiviti pertanian moden untuk meningkatkan pengeluaran padi. Gambar kecil: Ahmad.

dan automasi.

Katanya, penggunaan jentera moden, berkeupayaan tinggi seperti dron dan jentuai mini dapat mengoptimumkan hasil dalam keseluruhan rangkaian industri.

“Pendekatan Sawah Berskala Besar (SBB) iaitu melibatkan peranan entiti swasta sepanjang rangkaian penanaman padi dan pengeluaran beras juga dilakukan.

“Kementerian juga melakukan peluasan kawasan jelapang padi dan menggunakan benih padi sah yang berkualiti,” katanya.

Terdahulu Paul mempersoalkan rancangan kementerian untuk meningkatkan pengeluaran beras negara.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
16/12/2020	SINAR HARIAN	ONLINE	

BEKALAN BERAS NEGARA STABIL



KUALA LUMPUR - Bekalan makanan asas negara khususnya beras berada pada tahap yang stabil dan terkawal walaupun negara menghadapi cabaran pandemik Covid-19 ketika ini.

Menteri Pertanian dan Industri Makanan, Datuk Seri Dr Ronald Kiandee berkata, kerajaan juga sentiasa mengutamakan sekuriti makanan negara supaya bekalan makanan asas sentiasa terjamin.

Katanya, kerajaan akan terus menggiatkan usaha meningkatkan tahap pengeluaran makanan negara melalui pelbagai inisiatif yang diambil.

"Antara inisiatif kerajaan termasuk merencanakan aktiviti pengeluaran makanan dengan pemberian subsidi, insentif input, penyediaan khidmat nasihat teknikal dan meningkatkan keberkesanan pengeluaran," katanya pada sesi pertanyaan lisan di Dewan Negara pada Rabu.

Beliau menjawab pertanyaan Datuk Jefridin Atan berhubung inisiatif yang boleh dilakukan bagi meningkatkan pengeluaran makanan asas khususnya beras yang produktiviti terkesan akibat pandemik Covid-19.

Beliau berkata, bagi tujuan meningkatkan hasil pengeluaran padi, kerajaan melaksanakan beberapa inisiatif termasuk Pengurusan Nutrien Lokasi Spesifik atau soil profiling, pendekatan konsep pengurusan tanah sawah iaitu Sawah Berskala Besar (SBB) menerusi penglibatan entiti swasta dalam rantai penanaman padi dan pengeluaran beras.

"Inisiatif itu diperkasakan dalam Dasar Agromakanan Negara 2.0 2021-2030 dan Rancangan Malaysia Ke-12 2021-2025," katanya.

Sementara itu, Ronald berkata, Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) akan melaksanakan penambahbaikan program Insentif Benih Padi Sah (IBPS).

Jelasnya, langkah itu bagi menjamin mutu perkhidmatan, selain memberikan hak kepada pesawah untuk memilih jenis benih padi terbaik untuk ditanam di sawah mereka.

"MAFI akan melaksanakan beberapa inisiatif bermula tahun 2021.

"Pertama, melantik Pertubuhan Peladang Kebangsaan (Nafas) sebagai pemborong tunggal dalam IBPS." "Kedua, pelantikan Nafas akan membolehkan penetapan harga siling benih padi sah tanpa melibatkan tambahan peruntukan insentif kerajaan.

"Ketiga, lesen dan permit diberikan kepada ejen, individu atau syarikat berdaftar dengan kerajaan," katanya.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
18/12/2020	SINAR HARIAN	ONLINE	

ASPEK KESELAMATAN GUNA DRON DALAM PERTANIAN DIBERI PERHATIAN



SHAH ALAM - Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) mengambil maklum berhubung kenyataan Polis Diraja Malaysia (PDRM) mengenai perlunya mendapatkan kebenaran untuk penggunaan dron.

MAFI dalam satu kenyataan semalam berkata, walaupun pihaknya menggalakkan penggunaan dron secara meluas dalam menjalankan aktiviti-aktiviti pertanian bagi tujuan semburan baja dan racun, namun pemantauan kawasan yang dijangkiti penyakit termasuk pemetaan kawasan, aspek keselamatan dan pematuhan peraturan berkaitan penggunaan dron sentiasa diberi perhatian serius.

Menurutnya, MAFI juga telah melaksanakan beberapa sesi libat urus bersama pihak Civil Aviation Authority of Malaysia (CAAM) berhubung penggunaan dron dalam sektor pertanian.

"Pihak CAAM juga sedang merangka satu arahan (directive) khusus bagi sektor pertanian dengan kerjasama MAFI.

"Justeru, kita juga akan bekerjasama dengan CAAM dalam usaha meningkatkan kesedaran dan kepatuhan operator dron sektor pertanian mengenai kepentingan pendaftaran dan tahap keselamatan penggunaan dron di negara ini," kata kenyataan itu.

Menurut kenyataan sama, sebagai sebuah kementerian yang prihatin tentang kepentingan petani, MAFI akan berbincang dengan pihak CAAM supaya sebarang peraturan yang dikeluarkan tidak akan membebankan para petani terutama dari segi kos yang berkaitan agar prosedur dan proses permohonan serta tempoh kelulusan adalah lebih munasabah.

Selain itu katanya, pihak Jabatan Pertanian telah menyediakan draf prosedur operasi standard (SOP) Semburan Racun Perosak menggunakan Unmanned Aerial Vehicle/Dron untuk dibincangkan bersama CAAM.

"MAFI akan memastikan bahawa peraturan dan arahan khusus melalui kerjasama MAFI dan CAAM ini bukan sahaja menjamin keselamatan penggunaan dron oleh para petani, malah kepentingan dan kebajikan mereka juga terus terpelihara," katanya.

Headline	Rice self-sufficient level increased to 75pct		
Media Title	China Press		
Date	18 Dec 2020	Color	Full Color
Section	Nation	Circulation	127,822
Page No	A9	Readership	383,466
Language	Chinese	ArticleSize	118 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 2,328
Frequency	Daily	PR Value	RM 6,983



白米自給率提高至75%

(吉隆坡17日讯) 农业与食品业部副部长拿督斯里阿末韩查指出，政府在第12大马计划下，将国内白米自给率（SSL）提高至75%，以进一步减少对进口白米的依赖。

他说，目前大马人每年的白米需求量约250万公吨，国内的白米产米仅能供应70%的需求，因此每年需进口30%白米，或70万至90万公吨白米。

阿末韩查今日在国会上议



■阿末韩查

院，针对保罗依盖上议员询问有关农业部采取甚么措施，增加国内白米产量的问题，这么指出。

“农业部承诺将国内白米自给率提高至75%，并减少5%白米进口。”

他说，该部采取多项措施，以减少白米进口，其中包括精准并分管理（SSNM）、大型稻米种植、现代化与自动化生产、鼓励年轻人参与种植计划等等。

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
18/12/2020	BERITA HARIAN	JAGA SUNGAI KITA	20

Pencemaran Sungai Kereh disiasat

Polis ambil keterangan petani, JPV serta PBT

Oleh Nur Izzati Mohamad
bhnews@bh.com.my

Tasek Gelugor: Polis membuka kertas siasatan berhubung pencemaran Sungai Kereh, di sini, yang dipercayai berpunca daripada pelepasan sisa najis babi untuk tindakan selanjutnya dalam usaha mengatasi kemelut dihadapi penduduk di situ sejak 40 tahun lalu.

Ketua Polis Daerah Seberang Perai Utara, Asisten Komisioner Noorzainy Mohd Noor, berkata polis sudah mengambil keterangan daripada petani, Jabatan Perkhidmatan Veterinar (JPV)



Noorzainy Mohd Noor

dan pihak berkuasa tempatan (PBT) bagi melengkapkan kertas siasatan terbabit.

Beliau berkata, siasatan isu berkenaan sudah bermula sejak 19 November lalu dan kini pada peringkat akhir sebelum diserahkan kepada pihak pendakwa raya, bulan depan.

“Polis kini dalam proses menerima semua data dan laporan daripada pihak berkaitan untuk melengkapkan kertas siasatan.

“Selain itu, pihak forensik juga sudah mengambil sampel air di Sungai Kereh minggu lalu untuk mengesan sama ada terdapat DNA babi, selain sampel dari lapan ladang babi yang dikenal pasti terbabit dalam masalah pencemaran ini,” katanya ketika dihubungi, di sini, semalam.

Kelmarin, Jawatankuasa Petugas Khas yang diketuai bekas Ketua Pengarah Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal Negara, Datuk Dr Nadzri Yahaya mengadakan lawatan mengejut bagi meninjau keadaan Sungai Kereh dan ladang babi di Kampung Selamat.

Jawatankuasa yang ditubuhkan Kementerian Alam Sekitar dan Air itu diarahkan untuk menyelesaikan isu pencemaran najis babi di sungai berkenaan berikutan masalah itu sudah menghantui penduduk selama empat dekad.

Headline	Malaysian Rubber Board snaps 2 awards and RM200,000		
MediaTitle	Sin Chew Daily		
Date	18 Dec 2020	Color	Black/white
Section	Nation	Circulation	288,920
Page No	15	Readership	866,760
Language	Chinese	ArticleSize	89 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 1,970
Frequency	Daily	PR Value	RM 5,910



科藝部商業化獎峰會 橡膠局奪2獎捧走20萬

（吉隆坡17日訊）馬來西亞橡膠局在2020馬來西亞商業化獎峰會上，獲頒“馬來西亞商業化最大獎”和“商業及伙伴獎”，共贏得20萬令吉和獎杯。

科學、工藝及革新部今日發文告指出，該部在今明兩天以線上方式舉辦2020馬來西亞商業化獎峰會，旨在肯定成功將科研成果在本地或國際市場上商業化的研究員與企業家。

文告指出，馬來西亞橡膠局以浙青杯凝膠（Bituminous Cuplump，BC）、改良杯凝膠瀝青（Cuplump Modified Bitumen，CMB）和改良杯凝膠柏油（Cuplump Modified Asphalt，CMA）贏得“馬來西亞商業化最大獎”和“商業及伙伴獎”。

其餘4個獎項的得主分別是DIA化學有限公司贏得商業交易獎，馬來西亞棕油局贏得研究企業家獎，大馬農業研究與發展局（MARDI）贏得社會企業家獎，以及Venigo有限公司贏得新進創新獎。

“這4個獎項的得主個別獲得13萬令吉現金、獎杯和獎狀。另外還有5個安慰獎，得主可獲5萬令吉、獎杯和獎狀。”

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
18/12/2020	UTUSAN MALAYSIA	DALAM NEGERI	30

Mangga Harumanis rekod jualan tertinggi

PUTRAJAYA: Pertama dalam sejarah, rakyat Malaysia mula beralih selera apabila lebih banyak membeli mangga Harumanis dan rambutan berbanding durian di pasaran tempatan.

Perkara yang boleh dianggap agak luar biasa itu dilaporkan hasil data urus niaga oleh Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) sepanjang tahun ini setakat akhir Oktober lalu.

Rekod agensi tersebut menunjukkan dari segi nilai jualan, mangga yang cukup sinonim dengan imej Perlis itu mencatatkan angka tertinggi daripada buah-buahan lain.

Ia merekodkan RM446,739 berbanding durian gred premium iaitu musang king sekadar RM182,848, selain durian klon sejumlah RM191,372 dan durian kampung pula cuma RM82,682.

Uniknya, rekod jualan ketiga-tiga jenis durian popular itu di seluruh negara turut diatasi rambutan yang mencatatkan nilai sebanyak RM327,673 bagi tempoh masa sama.

Ironi secara keseluruhan, angka jualan direkodkan tahun ini meskipun tanpa mengambil kira dua bulan terakhir, menunjukkan kejatu-

han ketara berbanding data agensi itu pada tahun lepas.

Misalnya, mangga Harumanis pada tahun lalu berjaya dijual FAMA sebanyak RM691,055 iaitu melonjak besar berbanding hanya sejumlah RM607,724 (2018) dan RM312,309 (2017).

Begitu juga rambutan jatuh sedikit berbanding sepanjang tahun lepas FAMA merekodkan nilai jualan RM406,415, naik daripada sebelumnya RM310,426 (2018) dan RM180,805 (2017).

Meskipun ia tertinggi dari segi kuantiti iaitu 133,347 kilogram pada tahun ini, tetapi merosot daripada 222,186 kilogram (2019), 121,831 kilogram (2018) dan 41,339 kilogram (2017).

Tidak ketinggalan mangga harumanis yang mencatatkan 26,797 kilogram iaitu jatuh berbanding tahun lalu sebanyak 45,876 kilogram, manakala 42,153 kilogram (2018) dan 20,489 kilogram (2017).

Uniknya, kuantiti dokong tahun ini lebih baik daripada durian dengan 56,079 kilogram, namun, turun berbanding 116,189 kilogram (2019), 80,843 kilogram (2018) dan 3,886 kilogram (2017).



HOT ITEM ... Photo journalist-turned-farmer Ahmad Itham Mohd Noor, 39, showing red chillies grown at his farm in Dengkil, Selangor. He said he chose to grow large chillies because they are easy to cultivate apart from being high in demand. — **BERNAMA/PIX**